

# The Homeless' Survival Strategy in Kuala Lumpur City

## Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur

Syafiq Sham\*, Doris Padmini Selvaratnam

*Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia*

\*Corresponding author: p86726@siswa.ukm.edu.my

**Article history:** Received: 1 November 2017 Received in revised form: 4 April 2018 Accepted: 16 April 2018 Published online: 30 April 2018

### Abstract

The objective of this study is to identify the source of income for the homeless and the ways they continue living in Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KL). The data used are collected through interviews with 25 homeless people who were brought by the Welfare Department authority to the *Program Latihan Khidmat Negara* (PLKN) Geo Kosmo camp, Kuala Kubu Bharu, Selangor under the *OPS Menyelamat* and using the questionnaire on the 50 homeless people who came to *Dapur Jalanan Kuala Lumpur* (DJKL). Based on statistical result, 28 were self-employed, 3 were working in the private sector and 19 were unemployed while their total income (monthly) showed 11 people earning RM200 and below, RM201 to RM400 with 7 persons, RM401 to RM600 with 8 persons and RM601 or above only 5 people. Based on interviews conducted at the camp most of them did not have fixed income and jobs. The proposal based on the findings is to increase the role of the Social Welfare Department (JKM) and non-governmental organization (NGOs) in focusing on opening new job opportunities and improving skills to homeless people.

**Keywords:** Sources of income for the homeless, homeless survival, Dapur Jalanan Kuala Lumpur, PLKN Geo Kosmo camp

### Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sumber pendapatan dan cara-cara mereka meneruskan kehidupan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KL). Data-data yang digunakan adalah melalui temuduga bersama 25 gelandangan yang dibawa oleh pihak berkuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat ke Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Geo Kosmo, Kuala Kubu Bharu, Selangor di bawah OPS Menyelamat dan menggunakan instrumen borang soal selidik ke atas 50 orang gelandangan yang hadir ke Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL). Berdasarkan hasil statistik menunjukkan seramai 28 orang bekerja sendiri, 3 orang bekerja dalam sektor swasta dan 19 orang tidak bekerja manakala jumlah pendapatan (sebulan) mereka pula menunjukkan seramai 11 orang memperolehi sebanyak RM200 ke bawah, RM201 hingga RM400 seramai 7 orang, RM401 hingga RM600 hanya 8 orang dan RM601 ke atas sekadar 5 orang sahaja. Hasil temuduga menunjukkan kebanyakan kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang tidak tetap. Cadangan berdasarkan hasil kajian adalah meningkatkan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dalam memberikan tumpuan terhadap pembukaan peluang pekerjaan baru dan meningkatkan skil kepada gelandangan.

**Kata kunci:** Sumber pendapatan gelandangan, kelangsungan hidup gelandangan, Dapur Jalanan Kuala Lumpur, Kem PLKN Geo Kosmo

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## 1.0 PENDAHULUAN

Jangka hayat seseorang bergantung kepada sejauh mana masyarakat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka di kawasan tersebut. Kelangsungan hidup seseorang itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor kualiti hidup dalam sesebuah negara itu. Kualiti hidup boleh diukur dengan menggunakan kadar kematian bayi, Laporan Bank Dunia 2014 menunjukkan terdapat perbezaan yang jelas di antara negara yang mempunyai pendapatan rendah dan pendapatan tinggi. Bagi negara berpendapatan rendah kadar kematian bayi secara puratanya adalah 55 manakala negara berpendapatan tinggi pula adalah 5 bagi setiap 1000 kelahiran hidup. Contohnya, negara berpendapatan tinggi seperti Jepun (2), Norway (2) dan Austria (3) manakala negara berpendapatan rendah pula adalah Malawi (45) dan South Sudan (49). Jadi, kadar kematian bayi yang tinggi dalam negara dapat dikaitkan dengan faktor kemudahan kesihatan, perubatan serta dari segi penjagaan bayi, makanan dan pencegahan penyakit yang kurang berkualiti (Idris & Dan, 2000). Bukan sahaja faktor kesihatan tetapi banyak lagi faktor-faktor lain yang mempengaruhi kelangsungan hidup seseorang seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya. Begitu juga dengan golongan gelandangan, penyediaan kualiti hidup oleh pihak pemerintah sangat penting bagi golongan ini untuk meneruskan kelangsungan hidup kerana tanpa kualiti hidup yang baik ia boleh menyebabkan kematian sepertimana yang terjadi di Jalan Kemuja, Bangsar di mana seorang gelandangan ditemui mati di rumah kosong yang dipenuhi dengan sampah-sarap (MyMetro, 2016). Negara maju seperti United Kingdom juga berhadapan dengan perkara yang sama di mana gelandangan di sana berhadapan dengan

kematian pada musim sejuk disebabkan oleh kekurangan kemudahan tempat perlindungan untuk gelandangan berteduh (Soussi, 2017). Oleh itu, faktor kualiti hidup sangat penting demi kesejahteraan rakyat di mana ia juga dapat mengurangkan masalah jenayah serta menjaga kefungsi sosial kehidupan seseorang.

Gelandangan secara umumnya merupakan orang yang tidak mempunyai rumah berdasarkan skop perumahan sesebuah negara tetapi hakikatnya tiada pendefinisan yang tepat dan khusus mengenai gelandangan di Malaysia. Berdasarkan peratusan terhadap pendefinisan gelandangan di Malaysia dengan menggunakan definisi United Nation yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu gelandangan utama dan gelandangan sekunder mendapati seramai 70.9% orang awam mengatakan gelandangan utama termasuk dalam kategori orang yang tinggal di jalanan tanpa tempat perlindungan berdasarkan skop tempat tinggal sesebuah negara manakala 29.1% mengatakan gelandangan sekunder termasuk dalam kategori orang yang tidak mempunyai tempat tinggal tetap yang sentiasa berpindah-randah daripada pelbagai jenis penginapan seperti rumah, tempat-tempat perlindungan, institusi-institusi gelandangan atau tempat tinggal yang lain, justeru itu, kategori ini termasuklah golongan yang tinggal di rumah-rumah swasta tetapi melaporkan tiada alamat tetap di dalam borang banci mereka (Ghee & Omar, 2015). Namun pendefinisan tersebut hanyalah sekadar pandangan umum dari masyarakat dengan hanya bersandarkan kepada definisi yang telah disediakan oleh United Nation bagi rujukan seluruh negara. Definisi gelandangan bagi setiap negara berbeza-beza kerana ia merangkumi aspek budaya negara tersebut dan bahkan ia juga boleh berbeza-beza bagi setiap daerah. Contohnya, menurut Peraturan Daerah Kota Pekanbaru Nombor 12 Tahun 2008 mengenai Ketertiban Sosial menyatakan gelandangan adalah orang yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai dengan norma kehidupan masyarakat setempat, tidak mempunyai tempat tinggal, menjadi kutu rayau di tempat umum dan tiada pekerjaan. Justeru itu, permasalahan definisi ini dapat ditangani jika diwujudkan sebuah penyelidikan khas bagi mengawal selia terhadap perubahan semasa yang berlaku terhadap isu gelandangan sepertimana yang dilakukan oleh FEANTSA (European Federation of National Organisation Working with the Homeless) dalam membangunkan definisi dan klasifikasi gelandangan mereka sendiri yang dikenali sebagai European Typology of Homelessness and Housing Exclusion (ETHOS).

Pendefinisan gelandangan berdasarkan faktor kebudayaan sesebuah negara itu sangat penting bagi menangani permasalahan ini supaya dasar yang baik dapat dibentuk dan mencapai sasaran yang dikehendaki. Ketiadaan definisi tersebut boleh menyebabkan berlakunya masalah terhadap fungsi institusi, mudah terdedah dengan masalah rasuah dan tidak dapat menyelami sesuatu isu itu dengan lebih mendalam serta membentuk dasar yang baik bagi menangani permasalahan ini (Alhabshi, & Abdul Manan, 2012). Bahkan Alatas (1995) menyatakan bahawa sebab musabab rasuah dapat dibahagikan kepada tiga iaitu kerana peribadi, institusi atau situasi. Institusi membuka ruang yang luas kepada wabak rasuah untuk merebak jika tiada dasar-dasar yang baik dan integriti yang tinggi dalam perlaksanaannya. Malaysia antara salah sebuah negara yang sedang berhadapan dengan masalah dasar berkaitan dengan isu ini seperti dasar Akta Orang-Orang Papa 1977 (AOP) (Akta 183) yang merupakan hasil daripada warisan 100 tahun ordinar orang papa yang diperkenalkan oleh British pada tahun 1872. Akta ini menunjukkan kelapukan zaman dan ketidakberkesanan dalam menanggapi isu gelandangan kerana sistem ini telah mencabuli hak-hak yang dijamin kepada semua warganegara Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan sepertimana yang termaktub dalam Deklarasi Hak-Hak Asasi Manusia Sejagat (DHAMS). Misalnya, Hak Kebebasan Peribadi [Perkara 5 (1), Perlembagaan: Perkara 3 DHAMS], Kebebasan Bergerak [Perkara 9(2) Perlembagaan: Perkara 13 DHAMS], Hak Pemilikan Harta Benda [Perkara 13. Perlembagaan; Perkara 17, DHAMS], Hak Perlindungan [Perkara 8, Perlembagaan; Perkara 13, DHAMS] dan Keadilan dalam sistem perundangan [Perkara 5 910, Perlembagaan, Perkara 9 dan 10 DHAMS] (Food Not Bombs, 2014). Lebih mengelirukan lagi apabila baru-baru ini Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim telah pun membuat pengumuman bahawa gelandangan kini akan dikenali dengan nama baru iaitu rakan jalanan (Bernama, 2017) dan tiada pula justifikasi yang kukuh berkaitan dengan perihal tersebut. Jika mereka dikenali sebagai rakan secara literalnya sudah pasti AOP harus dipinda secepat yang mungkin kerana akta tersebut telah bercanggah dengan istilah yang dinyatakan. Kerajaan sewajarnya meneliti terlebih dahulu akta tersebut dengan lebih terperinci sebelum mengeluarkan sebarang istilah yang baru supaya landasannya tidak bercanggah dengan apa yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan tidak mengelirukan lagi fungsi sesebuah institusi tersebut.

**Jadual 1** Faktor seseorang hidup bergelandangan (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2012)

| Faktor Bergelandangan          | Jumlah (orang) | Peratus (%) |
|--------------------------------|----------------|-------------|
| Ketiadaan Pekerjaan            | 646            | 46.6        |
| Miskin Berpendapatan           | 245            | 17.7        |
| Miskin, Tua, dan Sebatang Kara | 145            | 10.5        |
| Penagihan Dadah                | 66             | 4.8         |
| Pengabaian                     | 61             | 4.4         |
| Miskin dan Tua                 | 50             | 3.6         |
| Masalah Mental                 | 30             | 2.2         |
| Sakit Melarat                  | 29             | 2.1         |
| Tiada Tempat Tinggal           | 27             | 1.9         |
| Bekas Banduan                  | 16             | 1.2         |
| Ketidakupayaan                 | 15             | 1.1         |
| Lari Dari Rumah                | 14             | 1.0         |
| Masalah Keluarga               | 8              | 0.6         |
| Kemurungan                     | 7              | 0.5         |
| Penagihan Arak                 | 7              | 0.5         |
| Warga Asing Terdampar          | 5              | 0.4         |
| Penerimaan Keluarga            | 3              | 0.2         |
| Tidak Dikenalpasti Sebab       | 13             | 1.0         |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2012).

Jadual 1 menunjukkan statistik bagi merujuk kepada beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu hidup bergelandangan tetapi terdapat sedikit kelonggaran terhadap faktor-faktor yang digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Menurut Effendi (1993) pula kemunculan gelandangan terbahagi kepada dua faktor iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran terdiri daripada pengangguran, bencana alam dan perang manakala faktor dalaman pula terdiri daripada tahap pendidikan, sakit jiwa atau cacat dan tiada penyediaan awal untuk meneruskan kehidupan di pusat Bandar. Namun teori ‘ortodoks baru’ yang wujud pada tahun 1990-an mengariskan faktor gelandangan secara menyeluruh iaitu kepada 4 faktor utama iaitu kapasiti peribadi, bantuan tidak formal, bantuan formal dan faktor struktur (Pleace, 2016). Menurut O’Flaherty (2004) dan Fitzpatrick (2005) menegaskan bahawa gelandangan bukan merupakan suatu struktur atau sifat semulajadi individu tetapi sebaliknya disebabkan oleh interaksi faktor struktur dan individual. Faktor struktur merangkumi jurang serantau, kadar gaji yang rendah, ketidaksamaan pengagihan pendapatan, pasaran buruh, budaya dan politik yang menyumbang kepada berlakunya ketidakadilan seperti perkauman, rasuah dan segala bentuk stigma yang lain manakala bantuan formal seperti kesihatan, kebajikan dan sistem perumahan sosial. Seterusnya, bantuan tidak formal pula merujuk kepada masyarakat yang mempunyai sifat yang negatif terhadap golongan ini, pengaruh rakan sebaya dan masalah keluarga seperti keruntuhan rumah tangga. Akhir sekali, faktor kapasiti peribadi melihat kepada ciri, pengalaman dan tingkah laku seperti pencapaian pendidikan, masalah kesihatan, cacat, masalah hutang, ketagihan judi, alkohol dan dadah. Namun teori itu bukanlah sesuatu yang baru kerana Za’aba yang merupakan seorang cendekiawan Melayu telah terlebih dahulu menyatakan peri penting berkaitan dengan peranan individual tunggal, ibu bapa, masyarakat dan pemerintah yang saling berinteraksi antara satu sama lain pada tahun 1960-an lagi jadi nasihat beliau yang sangat kritis itu tidak lapuk dek zaman dan wajar dijadikan rujukan ramai. Jika melihat pada jadual 1, JKM lebih memberi tumpuan kepada faktor kapasiti peribadi dan bantuan tidak formal sahaja jadi sangat sukar untuk mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh kerana hanya terdapat 1 sahaja faktor struktur yang digariskan iaitu ketiadaan pekerjaan manakala teori Effendi pula ia mencampurkan kapasiti peribadi dan bantuan tidak formal di dalam faktor dalaman yang merupakan dua faktor yang berbeza. Oleh itu, faktor struktur sangat penting kerana ia merupakan penanda aras kepada 3 faktor tersebut untuk saling berhubung di antara satu sama lain seperti di Malaysia terdapat beberapa isu struktur yang agak kritikal seperti isu ketidaksamaan pengagihan pendapat, kos sara hidup, pengangguran, rasuah, kemiskinan bandar, orang asli dan sebagainya.

Jika dahulu Malaysia berhadapan dengan masalah kemiskinan secara menyeluruh tetapi kini masalah kemiskinan lebih tertumpu kepada warga bandar, orang asli, pribumi di Sabah dan Sarawak. Jumlah gelandangan yang begitu ramai di Kuala Lumpur merupakan salah satu kesan daripada masalah kemiskinan bandar. Walaupun sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga beralih kepada Model Ekonomi Baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 30 Mac 2010, isu kemiskinan masih lagi wujud sehingga kini dan masih didominasi oleh Bumiputera tetapi tidak pada kadar yang tinggi sepertimana yang berlaku sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang telah diberhentikan pada tahun 1990 kerana menerima masuk liberalisasi perdagangan dan persaingan di dalam dunia global masa kini. Perkara ini memberikan impak yang sangat besar terhadap golongan miskin dan industri kecil-kecilan kerana *Multinational Corporation* (MNC) boleh dianggap sebagai imperialis abad baru sekiranya syarikat gergasi ini tidak dikawal oleh kerajaan. Majoriti gelandangan boleh dikatakan sebahagian daripada warga miskin bandar tetapi tidak semua warga miskin bandar adalah gelandangan kerana terdapat juga warga miskin bandar yang tidak mempunyai masalah tempat tinggal cuma berhadapan dengan kesulitan dari segi lain. Antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan bandar adalah disebabkan oleh pencemaran, kekurangan perumahan, pengangguran, kos sara hidup yang tinggi, gaji yang rendah, kekurangan kemudahan sosial, saiz keluarga yang besar dan kurang berpendidikan (Siwar & Yusof Kasim, 1997). Namun gelandangan yang dikenali sebagai *beg-packers* yang berada di sekitar kawasan bandar di Malaysia tidak boleh dikategorikan sebagai warga miskin bandar kerana mereka bukannya menghadapi masalah yang sama sepertimana yang dihadapi oleh warga miskin bandar yang sememangnya penduduk tetap di negeri tersebut. Selepas itu, terdapat juga gelandangan yang tidak miskin tetapi budaya ini lebih merujuk kepada negara maju kerana berdasarkan definisi Mackenzie & Chamberlain’s (1992) menyatakan satu bahagian yang baru daripada definisi United Nation iaitu gelandangan tertuari yang terdiri daripada gelandangan *caravan*. Bahagian tersebut tidak sesuai bagi negara kita yang mempunyai faktor geografi yang kecil bahkan untuk membeli *caravan* saja tidak mampu bagi golongan gelandangan di Malaysia atas faktor ekonomi yang meruncingkan. Faktor-faktor kemiskinan bandar membantu kepada pengembangan isu gelandangan kerana sepertimana yang telah diterangkan pada perenggan sebelum ini mengenai faktor-faktor gelandangan ia menunjukkan interaksi yang lebih kurang sama antara satu sama lain. Faktor *concentration effects* juga boleh menyumbang kepada pertambahan jumlah gelandangan di mana kerajaan terlalu memberi tumpuan kepada kawasan bandar sahaja seperti Kuala Lumpur dalam sektor pembangunan yang menyebabkan begitu ramai yang berpindah ke bandar (urbanisasi) untuk mencari pekerjaan namun berakhir dengan tragedi seperti tidak mampu untuk menyara kehidupan di sana (Curley, 2005). Kerajaan haruslah cuba mengimbangi pembangunan bagi setiap kawasan bagi mengelak masalah jurang serantau yang tidak terkawal dengan menyediakan peruntukan pembangunan kepada kawasan-kawasan yang sedang membangun.

Kesimpulannya, sama ada negara maju atau negara membangun, kedua-duanya masih lagi berhadapan dengan isu gelandangan kerana isu ini melibatkan seribu satu ragam manusia yang merangkumi pelbagai aspek agama, budaya, bangsa dan sebagainya. Buktinya, jumlah gelandangan wanita di Vancouver, British Columbia, Kanada menunjukkan peningkatan yang mendadak iaitu sebanyak 23% daripada jumlah populasi penduduk tersebut (Kieltyka, 2016) sementara itu di Australia pula bilangan gelandangan wanita juga semakin meningkat daripada kalangan warga tua (Haxton, 2016). Walaupun setiap negara berhadapan dengan masalah yang sama namun yang membezakannya adalah bagaimana sesebuah negara itu membentuk suatu polisi dalam menangani permasalahan yang berlaku di dalam sistem sosial mereka. Peranan pemerintah dalam menyelia institusi-institusi yang terlibat sangat penting bagi menyediakan dasar yang baik serta bersesuaian dengan situasi semasa yang dihadapi oleh sesebuah negara itu supaya golongan gelandangan dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan baik. Oleh itu, tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti sumber pendapatan gelandangan serta mengidentifikasi cara mereka meneruskan kehidupan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KL). Bahagian berikutnya akan mengupas beberapa kajian lepas, diikuti dengan kaedah kajian, hasil kajian dan perbincangan serta cadangan dasar sebelum diakhiri dengan kesimpulan kajian.

## ■ 2.0 KAJIAN LEPAS

Strategi kelangsungan hidup gelandangan bagi setiap negara berbeza-beza tetapi masih ada juga yang sama cara kelangsungannya berdasarkan keadaan sesuatu negara tersebut. Menurut Ahmad (2012) menyatakan bahawa gelandangan di bandar Pekalongan lebih kepada pekerjaan seperti mengemis sebagai cara mereka meneruskan kelangsungan hidup dan menggunakan pelbagai strategi bagi memperolehi pendapatan. Mereka merupakan golongan miskin yang terperangkap di dalam situasi kemiskinan dan mempunyai peluang yang sangat tipis serta memerlukan jati diri yang kuat untuk menempuhi cabaran hidup untuk keluar daripada garis kemiskinan jadi bagi memenuhi keperluan asas mereka perlu mengambil jalan mengemis kerana ia dianggap sebagai alat sumber pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. Terdapat juga gelandangan yang mengemis atas faktor umur yang semakin meningkat tua, ketiadaan keluarga dan cacat tubuh badan sehinggakan ada gelandangan yang sanggup memakai pakaian yang selekeh seperti baju yang koyak rabak untuk meminta sedekah. Hal ini sama seperti yang diperlakukan oleh pengemis di Kota Pekalongan yang mempunyai pelbagai strategi dalam mengemis untuk menjaga pendapat yang lebih lumayan misalnya mengendong anak, memakai seragam dan membawa kotak amal. Perkara ini dibuktikan berdasarkan hasil kajian Ahmad yang menunjukkan dengan memakaikan pakaian yang selekeh para pengemis mampu memperolehi sebanyak Rp. 50.000 hingga Rp. 70.000 (Ahmad, 2012). Namun jika di Kuala Lumpur budaya mengemis tidak terlalu ketara dalam kalangan gelandangan dan bahkan tidak semua gelandangan suka mengemis kerana kebanyakan daripada mereka ada juga yang melakukan pelbagai jenis pekerjaan. Justeru itu, Kuala Lumpur merupakan ibu negara dan bandar terbesar di Malaysia serta merupakan pusat pelancongan jadi sudah semestinya pihak berkuasa akan menjaga imej kota Kuala Lumpur daripada para pengemis dengan menguatkuasakan akta penjahat tersebut.

Kebanyakannya gelandangan di Kuala Lumpur boleh dilihat pada waktu malam di sekitar kawasan Chow Kit, Dang Wangi, Dataran Merdeka, Masjid Jamek dan Central Market. Mereka semua akan tidur dengan hanya beralaskan kotak atau tilam di kawasan-kawasan yang boleh berteduh daripada hujan seperti di kaki lima bangunan kedai yang sudah tutup. Namun apabila tiba pada waktu siang sangat sukar untuk melihat kelibat mereka kerana golongan ini akan beralih untuk mencari sesuap nasi dengan melakukan pelbagai jenis pekerjaan. Kajian terdahulu mendedahkan bahawa terdapat perbezaan kelangsungan hidup gelandangan lelaki dan wanita di Malaysia. Kebanyakan gelandangan lelaki tidur di sepanjang kaki lima bangunan kedai yang mereka panggil *night homes* berbanding dengan gelandangan wanita yang biasanya menyewa sebuah bilik di Lorong Haji Taib, Lorong Chow Kit dan Lorong Tion Nam untuk memastikan keselamatan anak-anak mereka yang masih kecil atau yang sedang mengandung terjamin (Alhabshi & Abdul Manan, 2012). Namun kini bagi keadaan kehidupan gelandangan lelaki peristiwanya agak berbeza sedikit bergantung kepada waktu operasi penangkapan yang dilakukan oleh pihak berkuasa DBKL. Jika operasinya sangat ketat mereka lebih suka tidur di kawasan-kawasan yang tersorok atau jauh daripada sekitar kawasan Pusat Bandaraya KL seperti di bawah jambatan atau di Terminal Bersepadu Selatan. Kebanyakan daripada mereka tidak suka ditangkap oleh pihak berkuasa kerana risau akan dibawa ke Pusat Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mereka juga tidak suka tinggal di sana kerana merasa terkongkong serta tidak bebas untuk ke mana-mana.

Majoriti gelandangan wanita bekerja sebagai tukang urut, tukang sapu dan lain-lain untuk menanggung kos sewa bilik dan keperluan anak-anak mereka. Biasanya pekerjaan seperti ini dibayar sebanyak RM20 hingga RM30 sehari (Hussin, 2016). Dalam konteks di Malaysia terdapat banyak pekerja yang berkeluarga dibayar kurang daripada gaji minimum iaitu serendah RM20 sehari atau RM600 sebulan kerana negara kita masih lagi tidak mempunyai dasar gaji yang kuat dalam melindungi tenaga buruh negara sendiri. Selain itu, kajian berkaitan dengan gaji minimum di Malaysia juga masih lagi kurang dilakukan dalam kalangan para pengkaji dan pihak kerajaan pula menentukan jumlah gaji minimum berdasarkan mesyuarat bersama syarikat-syarikat yang ada di Malaysia sahaja. Hal ini menyebabkan tiada lagi hasil kajian berkaitan dengan penentuan kadar gaji minimum yang bersesuaian dengan kos sara hidup di Malaysia dan perkara ini meruncingkan lagi keadaan apabila tekanan kos sara hidup sangat membebaskan rakyat. Dalam kajian Alhabshi dan Manan (2012) menyatakan seramai 13 orang bekerja sebagai pembantu di restoran, gerai-gerai dan mengedar risalah. Bahkan, gaji yang diperolehi juga sangat rendah untuk menampung sewa bilik mereka. Misalnya, sesi temuduga bersama Kumar yang bekerja sebagai pembantu restoran, dia hanya sekadar memperolehi pendapatan sebanyak RM400 sebulan dan ini menyebabkan Kumar hanya mampu menyewa bilik selama dua malam sahaja kerana sewa kos motel untuk satu malam adalah berharga RM30 hingga RM50. Namun kini keadaan telah pun berubah dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta subsidi tepung, minyak masak, beras dan gula yang ditarik balik antara penyebab kos sara hidup semakin meningkat dan jika pendapatan Kumar masih lagi kekal sebanyak RM400 rasanya lebih baik Kumar menggunakannya untuk perbelanjaan makanan sahaja demi meneruskan kehidupan daripada menyewa bilik.

Seterusnya, kewujudan Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan yang dibina oleh pihak kerajaan juga membantu golongan ini bagi meneruskan kehidupan mereka di Kuala Lumpur yang fokus kepada penyediaan keperluan asas. NGOs juga turut bekerjasama dengan institusi tersebut dengan menyediakan bantuan makanan dan kesihatan di sana (Kamis & Salamat, 2014). Hal ini kerana Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor telah membuat pengumuman mengenai larangan terhadap NGOs yang memberi makanan kepada gelandangan bagi menangani masalah kebersihan bandar (Ghani, 2014) dan telah menetapkan tempat kepada NGOs untuk mengedarkan makanan kepada gelandangan iaitu di Pusat Transit Gelandangan dan Anjung Singgah sahaja. Bahkan perkara ini merumitkan lagi keadaan jika berlakunya pemusatan pada dua tempat itu sahaja kerana jumlah NGOs yang memberikan makanan kepada gelandangan bukannya sedikit dan tidak semua gelandangan akan berada pada kawasan tersebut. Namun masih terdapat lagi NGOs yang menyediakan makanan di tempat asal mereka seperti Dapur Jalanan Kuala Lumpur yang masih lagi tetap dilakukan di Jalan Panggong. Sewajarnya dalam menangani isu ini ia memerlukan kerjasama serta sokongan daripada setiap pihak sama ada daripada pihak kerajaan, swasta dan yang paling penting sekali adalah daripada pihak NGOs sendiri. Hal ini kerana NGOs mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan ini. Malah, mereka lebih mengetahui mengenai punca permasalahan yang menyebabkan golongan ini mengambil jalan sebegitu kerana mereka bukan sekadar melakukan kerja di dalam pejabat dan duduk bersilang kaki di atas keempukan kerusi pejabat sahaja malahan mereka juga turut turun ke padang setiap minggu untuk memberikan makanan kepada gelandangan serta menjalinkan hubungan bersama golongan-golongan ini. Oleh itu, pihak kerajaan, swasta dan institusi-institusi yang lain haruslah menjalinkan hubungan yang baik bersama semua NGOs yang melakukan kerja bakti seperti ini supaya suatu permasalahan itu dapat diselesaikan dengan sebaiknya (Adib, Hussin & Ahmad, 2016).

### ■3.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan instrumen borang soal selidik yang diberikan kepada 50 gelandangan yang mengambil makanan dengan DJKL di Jalan Panggung Pusat Bandaraya, KL. Selepas itu, data berkenaan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk melakukan analisis deskriptif. DJKL merupakan NGO yang menyediakan makanan kepada warga miskin kota pada setiap hari Ahad pada pukul 6.00 petang hingga 7.00 malam dengan cara pelaksanaan yang sedikit berbeza dengan NGOs yang lain. DJKL lebih menekankan konsep ‘berkongsi’ bukannya ‘memberi’ kerana pada pendapat mereka istilah memberi itu akan mewujudkan jurang atau tingkat perhubungan di antara pemberi dan penerima. Mereka beroperasi dengan menggunakan dana yang diperolehi daripada derma orang awam. Selain itu, DJKL juga melakukan aktiviti masak-memasak di Bangsar bersama sukarelawan-sukarelawan yang terlibat dan mengedarkan makanan tersebut di Jalan Panggung. Selepas itu, DJKL menggunakan konsep hidangan dengan menggunakan pinggan dan mangkuknya sendiri serta melakukan aktiviti mencuci di lapangan tersebut kerana ingin mengurangkan penggunaan plastik supaya tidak timbulnya permasalahan pencemaran alam sekitar serta dapat mempelbagai aktiviti sukarelawan seperti mengurus sisa makanan, mencuci dan mengelap pinggan mangkuk. Lantas, ia dapat menjalinkan hubungan serta memupukkan sifat saling tolong-menolong di antara sukarelawan yang lain.

Seterusnya, borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian di mana responden diminta untuk mengisi bahagian pertama terlebih dahulu iaitu maklumat mengenai latarbelakang manakala bahagian kedua pula adalah bahagian yang berkaitan dengan status pekerjaan, bantuan kebajikan dan sebagainya. Penyelidik menggunakan instrumen borang soal selidik kerana ia lebih sesuai, cepat dan mereka juga sudah cukup kenal dengan penyelidik kerana penyelidik merupakan salah seorang koordinator tetap DJKL yang sudah hampir 3 tahun melakukan kerja bakti bersama NGO tersebut. Selain itu, waktu itu juga merupakan waktu makan jadi sangat sukar untuk menemuduga mereka semasa mereka sedang makan jadi apa yang penyelidik buat adalah dengan menghadirkan diri lebih awal ke Jalan Panggung iaitu pada pukul 5.30 petang dan mengedarkan borang soal selidik tersebut waktu itu. Mereka juga biasanya setengah jam awal sudah berkumpul ke Jalan Panggung untuk mengambil makanan. Soalan-soalan yang diberikan juga sangat objektif dan tidak meleret supaya ia memudahkan mereka untuk menjawabnya serta di dalam borang soal selidik itu juga terdapat persoalan-persoalan penting bagi mengenalpasti tingkat kelangsungan hidup gelandangan seperti bantuan kebajikan, status pekerjaan dan jumlah pendapatan bagi menyokong pembuktian kajian yang dilakukan manakala jenis pekerjaan pula penyelidik merujuk kepada hasil temuduga yang dilakukan di kem PLKN Geo Kosmo.

Penyelidik menemui bual seramai 25 gelandangan di Kem PLKN Geo Kosmo, Kuala Kubu Bharu serta dapat bermalam di sana selama sehari hasil kerjasama DJKL bersama pihak berkuasa JKM. Mereka yang merempat dan tidur di jalanan sekitar kawasan Pusat Bandaraya, KL akan dibawa oleh pihak berkuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah OPS Penyelamat dan akan menetap di sana hingga 30 September 2017. OPS ini dilakukan pada waktu lewat malam sahaja kerana pada waktu itu golongan gelandangan senang dijumpai. OPS Penyelamat ini diadakan bertujuan untuk memberi pembelaan buat mereka serta menyediakan peluang dan pendedahan secara formal dengan modul pengisian bagi menyuntik sifat dan kemahiran nilai kemanusiaan (Anuar, 2017). Justeru itu, ia memudahkan penyelidik untuk menemuduga gelandangan tersebut kerana mereka semua telah dikumpulkan dalam satu tempat yang sama dan masing-masing berada dalam keadaan tidak sibuk. Jika melakukan temuduga di luar ia sangat sukar kerana adakalanya mereka tidak gemar bergaul dengan orang yang tidak mereka kenali. Selepas itu, ada masanya mereka sibuk melakukan pelbagai jenis pekerjaan pada waktu siang jadi mereka hanya boleh dilihat pada waktu malam sahaja apabila tiba waktu untuk tidur. Justeru itu, sangat sukar untuk menemuduga mereka pada waktu malam kerana semestinya mereka sangat penat untuk diajak berbual.

Proses temuduga dilakukan secara berseorangan dan penyelidik melakukan temuduga tersebut pada waktu petang kerana ia merupakan waktu rehat bagi gelandangan melakukan aktiviti mereka sendiri serta tiada sebarang program yang dijalankan oleh JKM pada waktu itu. Antara persoalan yang diberikan keutamaan semasa proses temuduga dijalankan adalah berkaitan dengan pengalaman pekerjaan mereka bagi mengenalpasti faktor peletakan jawatan tersebut, status pekerjaan terkini sebelum dibawa masuk ke kem PLKN Geo Kosmo dan jumlah pendapatan terkini yang mereka perolehi. Hal ini kerana mereka yang dibawa ke kem tersebut secara automatiknya adalah penganggur kerana mereka harus menetap di sana selama dua bulan. Seterusnya, jika jumlah pendapatan yang mereka perolehi tidak mampu untuk menampung kehidupan mereka di Kuala Lumpur, persoalan berkaitan dengan cara kelangsungan hidup mereka juga menjadi persoalan penting bagi mencapai objektif kajian ini. Akhir sekali, penyelidik juga cuba menyelami sejarah hidup mereka serta masalah-masalah yang mereka hadapi sehingga menyebabkan mereka tinggal di jalanan.

### ■4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian pertama borang selidik penyelidik membincangkan tentang latarbelakang responden seperti jantina, umur, bangsa, pendidikan, status perkahwinan dan jumlah tanggungan. Hasil kajian menunjukkan seramai 42(84%) responden adalah lelaki manakala perempuan pula terdiri daripada 8(16%) responden. Manakala bangsa pula terdiri daripada Melayu seramai 41(82%) orang, Cina sebanyak 6(12%), dan India hanya 3(6%) orang sahaja. Kategori umur responden ditetapkan daripada 26 tahun hingga 56 tahun ke atas untuk mengenalpasti sama ada responden masih layak bekerja atau tidak. Penyetaraan tertinggi adalah sebanyak 24(48%) responden terdiri daripada 36 - 45 tahun. Sebaliknya, seramai 14(28%) responden terdiri daripada 26 – 35 manakala yang terendah adalah sebanyak 6(12%) responden yang terdiri daripada 46 – 55 tahun dan 6(12%) responden lagi yang berumur 56 tahun ke atas. Seterusnya, tahap pendidikan terdiri daripada 8 kategori iaitu SRP/PMR, SPM, STPM/STAM, Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana PHD dan Tiada Pendidikan. Sebahagian besar responden mempunyai kelayakan akademik iaitu seramai 23 orang mempunyai SPM dan hanya 13 orang yang memduduki hingga tahap PMR manakala seramai 11 orang sahaja yang tiada pendidikan formal. Selepas itu, jumlah responden yang belum berkahwin adalah seramai 31 orang (62%) yang merupakan jumlah yang tertinggi dan diikuti dengan berkahwin seramai 13 orang (26%) dan duda atau janda adalah sebanyak 6(12%) orang.

**Jadual 2** Kategori pekerjaan seseorang yang hidup bergelandangan

| Kategori Pekerjaan | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|-----------|-------------|
| Bekerja sendiri    | 28        | 56          |
| Sektor Swasta      | 3         | 6           |
| Sektor Kerajaan    | 0         | 0           |
| Tidak Bekerja      | 19        | 38          |

Sumber: Kajian Lapangan

**Jadual 3** Pendapatan bulanan seseorang yang hidup bergelandangan

| Pendapatan Bulanan | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|-----------|-------------|
| Tiada pendapatan   | 19        | 38          |
| RM200 ke bawah     | 11        | 22          |
| RM201 – RM400      | 7         | 14          |
| RM401 – RM600      | 8         | 16          |
| RM601 ke atas      | 5         | 10          |

Sumber: Kajian Lapangan

Seterusnya, bagi bahagian kedua pula ia lebih tertumpu kepada aspek tingkat kelangsungan hidup gelandangan di Bandaraya Kuala Lumpur. Berdasarkan jadual 2 ia menunjukkan seramai 28(56%) orang bekerja sendiri manakala hanya 3 orang sahaja yang bekerja di dalam sektor swasta dan akhir sekali sebanyak 19(38%) orang yang tidak bekerja walaupun faktor umur menunjukkan seramai 44 orang masih lagi boleh bekerja dan majoritinya berada dalam keadaan sihat. Selain itu, jadual 3 menunjukkan jumlah pendapatan mereka sebulan majoritinya masih lagi kurang daripada kadar gaji minimum manakala bagi kategori gaji RM601 ke atas pula hanya seramai 5 orang sahaja dan masih pada paras gaji minimum. Pada pendapat penyelidik seramai 28 orang yang bekerja sendiri kebanyakannya mempunyai pekerjaan yang tidak tetap kerana jumlah pendapatan yang mereka perolehi amat sedikit dan bahkan kurang daripada kadar gaji minimum tetapi hasil kajian menunjukkan seramai 40 (80%) orang gelandangan tidak menerima sebarang bantuan kebajikan begitu juga dengan bantuan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) walhal jika mengikut jumlah pendapatan yang mereka perolehi ia menunjukkan bahawa mereka ini adalah golongan miskin yang sewajar menerima bantuan kebajikan. Perkara yang sama juga berlaku bagi hasil temuduga bersama gelandangan di Kem PLKN Geo Kosmo di mana seramai 20 orang gelandangan tidak menerima sebarang bantuan kebajikan masyarakat. Alasan yang mereka berikan adalah kerana kehilangan kad pengenalan, tidak tahu mendaftar dan tiada alamat tetap kerana tidak mempunyai tempat tinggal. Hal ini menunjukkan *trickle down effect* kurang berkesan terhadap polisi yang dilaksanakan sehingga menyebabkan tiada tetapan terhadap golongan gelandangan. Oleh itu, kerajaan perlulah menyediakan pelbagai alternatif bagi setiap dasar yang dilaksanakan dengan menitikberatkan masalah semasa yang dihadapi oleh rakyat mereka seperti masalah untuk mengadaptasi perkembangan teknologi terkini.

Seramai 360 gelandangan yang dibawa ke Kem PLKN Geo Kosmo majoritinya adalah melayu dan bukanlah pendatang asing kerana hanya warganegara sahaja yang akan dibawa ke kem tersebut manakala pendatang asing yang ditangkap akan melalui prosedur yang lain. Hasil temuduga memfokuskan kepada pekerjaan semasa gelandangan yang menunjukkan seramai 12 orang yang tidak mempunyai pekerjaan tetap manakala 11 orang pula adalah menganggur dan hanya 2 sahaja yang mempunyai pekerjaan tetap. Selain itu, mereka juga kebanyakannya golongan yang masih lagi boleh bekerja. Selain itu, mereka juga majoritinya golongan yang masih lagi boleh bekerja. Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap biasanya melakukan pekerjaan seperti kutip tin atau besi-besi buruk, angkat barang, susun fail, jaga parking, berniaga di pasar karat, menolong kawan-kawan berniaga di *bundle* manakala bagi pekerjaan tetap pula seperti pengawal keselamatan, pembantu kedai runcit, tukang urut dan tukang sapu. Kerja menjaga parking pada asalnya akan memperolehi gaji minimum jika mereka menjaga parking di bawah sebuah syarikat yang sah dan kawasan penjagaan parking yang mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan tetapi hasil temuduga bersama Amin, Murgan, Firdaus dan Toew mereka menjaga kawasan parking dengan pendapatan yang tidak menentukan tetapi secara puratanya mereka akan memperolehi sebanyak RM2-RM3 sehari. Hal ini membuktikan bahawa mereka sebenarnya tidak bekerja di dalam skop pekerjaan yang sah dan hanya menerima upah seikhlas hati daripada pemandu berkenaan kerana menjaga kawasan parking tersebut yang pada asalnya kawasan parking berkenaan merupakan kawasan parking awam yang sepatutnya percuma kepada semua orang.

Seterusnya, terdapat juga gelandangan yang melakukan pelbagai jenis pekerjaan dalam satu masa seperti Black, Amin dan Othman. Black melakukan kerja memindah barang, mengutip besi-besi buruk dan berniaga di pasar karat dengan jumlah pendapatan sebanyak RM500 ke bawah manakala Othman pula melakukan kerja pemindahan barang dan berniaga di pasar karat dengan pendapatan sebulan sebanyak RM1000. Hal ini menunjukkan walaupun pekerjaan mereka hampir sama tetapi pendapatan yang mereka perolehi sangat berbeza kerana kerja yang mereka lakukan dipengaruhi oleh faktor kekerapan bagi melakukan pekerjaan berkenaan. Selain itu, ada juga pekerjaan yang tidak menentu hari pekerjaannya di mana ia bergantung kepada keperluan semasa sesebuah syarikat atau kedai berkenaan seperti kerja mengangkat kotak dan mengemas fail. Misalnya, Mazlan melakukan kerja mengangkat kotak dengan gaji sebanyak RM60 sehari dan hari bekerjanya tidak menentu tetapi secara purata dalam seminggu hanya 3 hingga 4 kali sahaja manakala Hassan pula pernah melakukan kerja menyusun fail Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kontrak selama sebulan sahaja dengan bayaran sebanyak RM80-RM120 dan hanya berkerja dalam 2-4 kali seminggu. Seterusnya, mereka yang ada pekerjaan tetap pula bekerja sebagai pembantu kedai misalnya Joh bekerja sebagai pembantu kedai di Bukit Bintang dengan gaji sebanyak RM1200 serta mempunyai penempatan yang disediakan oleh majikannya tetapi dia dibawa ke kem tersebut kerana didapati tidur di Pudu Raya dalam keadaan mabuk. Kesimpulannya, majoriti pendapatan yang mereka perolehi dalam masa sebulan masih di bawah garis kemiskinan.

Golongan gelandangan juga mempunyai pelbagai jenis pengalaman kerja sebelum mereka diuji dengan pelbagai masalah kehidupan. Namun itulah lumrah kehidupan yang adakalanya pasang dan adakalanya surut seperti lautan tetapi setiap yang pasang dan surut itu jua mempunyai peranannya masing-masing supaya lautan dapat berfungsi dengan baik. Antara pengalaman kerja yang mereka ada ialah seperti pengawal keselamatan, pengawal peribadi, menyusun stok, berniaga, pembantu kedai telefon, mengurut, welding, pembantu penerbitan majalah, pembantu pengurusan hotel, banquet, mencuci kenderaan, pembantu kedai makan di restoran makanan segera atau kedai berniaga biasa seperti menjual air, buruh kilang, pemandu van, excavator dan bas. Namun terdapat pelbagai jenis masalah yang dihadapi semasa mereka terlibat dengan pekerjaan tersebut. Misalnya, Magan, Sufi dan Zahir yang pernah bekerja sebagai pengawal keselamatan masih lagi berhadapan dengan masalah penipuan gaji seperti tiada penolakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lewat dibayar gaji sehingga menyebabkan tercetusnya pergaduhan dengan majikan mereka. Selain itu, pekerjaan seperti itu juga sesetengahnya tidak menyediakan kemudahan yang baik kepada pekerjaannya seperti yang dialami oleh Hisham yang diberikan tempat tinggal di dalam pondok jaga berkenaan dan Hasaan yang tidak diberikan cuti langsung kepadanya. Terdapat juga gelandangan yang pernah terlibat dengan pengalaman kerja kontrak seperti Tanimalay bekerja sebagai pengawal keselamatan kontrak, Othman pula terlibat dengan kontrak projek sampingan Mass Rapid Transit (MRT) serta diberikan kontrak lanjutan di Johor Bharu tetapi Othman menolaknya kerana ingin menetap di Kuala Lumpur. Pekerjaan sebagai memandu juga menerima gaji yang lumayan iaitu sebanyak RM2000 hingga RM3000 tetapi Anwar yang bekerja sebagai pemandu bas diberhentikan kerana permit bas tersebut telah pun tamat. Kuna pernah bekerja sebagai pemandu excavator dan menerima lebih banyak gaji atas faktor jenis kenderaan yang dipandunya iaitu sebanyak RM4800 tetapi terpaksa diberhentikan kerana terlibat dengan kemalangan di tempat kerja yang menyebabkan dia cacat selama-lamanya. Selepas itu, Wan pula pernah bekerja di kilang Panasonic dan diberhentikan kerana kilang tersebut telah pun bankrap dan kebetulan kontraknya juga sudah tamat. Murgan pernah bekerja di kedai urut tetapi tempat tersebut telah menjadi serbuan polis jadi dia di tangkap dan dimasukkan ke penjara. Namun begitu, masih terdapat lagi gelandangan yang mempunyai pengalaman mengemis seperti Firdaus yang mengemis apabila berada dalam keadaan terdesak sahaja bukan sehingga menjadikan ia sebagai satu rutin kehidupan.

Selepas itu, persoalan yang timbul adalah bagaimana mereka meneruskan kehidupan dengan pendapatan sebanyak itu? Bagaimana pula dengan mereka yang masih menganggur tanpa sebarang bantuan kebajikan dan tempat tinggal sama ada tidak tetap atau tiada langsung? Penyelidik mengenalpasti bahawa mereka dapat meneruskan kehidupan di Pusat Bandaraya, KL kerana lambakan NGOs yang menyediakan makanan percuma kepada mereka seperti yang tertera pada bahagian lampiran dan tidak termasuk dengan pemberian makanan daripada institusi baitulmal, masjid dan gereja di sekitar kawasan tersebut serta pemberian-pemberian lain seperti bantuan kesihatan, pakaian dan sebagainya. Berdasarkan temuduga bersama mereka, kesemuanya pernah mengambil makanan daripada NGOs di sekitar kawasan KL dan seramai 20 orang gelandangan di kem tersebut menyatakan bahawa hidupnya bergantung sepenuhnya dengan NGOs demi meneruskan hidup mereka di Kuala Lumpur. Contohnya, Firdaus sudah hampir 3 tahun merempat tidur di kaki lima di KL tanpa sebarang pekerjaan dan berharap sepenuhnya kepada pemberian makanan daripada NGOs di Chow Kit, Medan Tuanku, Masjid Jamek dan Pasar Seni. Walaupun pada hakikatnya jumlah pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup sehari-hari jika mereka menetap di KL tetapi pada mereka ia sudah cukup memadai bagi meneruskan hidup kerana mempunyai lambakan NGOs yang memberi makanan percuma kepada mereka. Misalnya, pada pendapat Syaril gajinya sudah sangat mencukupi baginya untuk hidup di KL kerana dia sering pergi ke Medan Tuanku, Segi Kolej dan Bukit Bintang. Bahkan, ada juga gelandangan yang memperolehi pendapatan sebanyak RM1000 sebulan tetapi masih lagi bergantung harap kepada NGOs. Hal ini kerana terdapat gelandangan yang mempunyai ketagihan judi yang sangat kritikal sehinggakan separuh daripada gajinya digunakan untuk bermain judi manakala separuh lagi untuk membeli stok barangan di Central Market, Pasar Seni untuk berniaga di pasar karat. Seterusnya, bagi mereka yang menganggur pula iaitu seramai 11 orang gelandangan sememangnya bergantung harap sepenuhnya kepada NGOs sehinggakan mereka mengetahui setiap sudut serta waktu dan hari di mana NGOs ini akan mengedarkan makanan kepada mereka. Terdapat juga gelandangan yang menerima bantuan kebajikan masyarakat tetapi masih lagi bergantung kepada NGOs di mana dia mula menganggur sejak tahun 1993 kerana mengalami kemalangan yang menyebabkan kecacatan pada kakinya dan menerima bantuan kebajikan OKU sebanyak RM480 sebulan tetapi disebabkan dia mengalami ketagihan arak yang melampau dengan menggunakan sepenuhnya daripada duit bantuan tersebut untuk membeli arak. Bahkan, dia juga tidak membelanjakan duit tersebut untuk membeli makan kerana terdapat makanan yang diberikan oleh NGOs tersebut. Justeru itu, seramai 19 yang menganggur sepertimana yang dinyatakan pada jadual 1 di atas, penyelidik membuat anggapan bahawa mereka juga bergantung harap sepenuhnya dengan NGOs untuk meneruskan hidup mereka di KL dan begitu juga dengan gelandangan yang mempunyai pendapatan yang sangat minimum sepertimana yang tertera pada jadual 3 berkenaan kerana dengan jumlah pendapatan tersebut jika tiada bantuan keperluan asas daripada NGOs penyelidik yakin mereka akan mati kelaparan di Kuala Lumpur.

## ■ 5.0 CADANGAN DASAR

Berdasarkan hasil kajian di atas menunjukkan majoriti gelandangan masih lagi didominasi oleh kaum Melayu. Hal ini menunjukkan masalah kemiskinan masih lagi wujud dan lebih tertumpu kepada masalah kemiskinan bandar kerana berdasarkan hasil kajian mendapati sumber pendapatan yang mereka peroleh kebanyakannya kurang daripada kadar gaji minimum. Seterusnya, ketidaksamaan pendapatan di antara kaum juga masih lagi berlaku di Malaysia dan bahkan yang lebih parah lagi jurang ketidaksamaan itu telah meningkat secara mendadak di dalam kaum itu sendiri. Pada hakikatnya, jurang pendapatan telah pun berkurang disebabkan oleh pelaksanaan dasar ekonomi baru, paling kurang hingga tahun 1990. Walaupun semasa era Tun Dr Mahathir Mohamad, jurang pendapatan antara kaum Cina dan Bumiputera telah berkurang sebanyak 10% dan ketidaksamaan keseluruhannya juga menurun sebanyak 5%. Namun ternyata jurang pendapatan itu telah meningkat di bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu sebanyak 10% sepanjang tempoh 2009 hingga 2012 dan indeks ketidaksamaan bagi tiga kelas yang berbeza juga menunjukkan bahawa lebih daripada 90% daripada ketidaksamaan dalam pengagihan aset kewangan berlaku di dalam kaum itu sendiri dan bukannya di antara kaum (Khalid, 2014). Justeru itu, kerajaan bukan sahaja harus memberikan perhatian kepada isu jurang pendapatan di antara kaum sahaja tetapi harus juga menitikberatkan isu ketidaksamaan yang berlaku di dalam kaum itu sendiri serta fokus kepada poket kemiskinan dan masalah kos sara hidup di Malaysia dengan menyediakan dasar-dasar yang lebih berkesan bagi menangani permasalahan ini dengan berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh para intelektual kerana mereka semua adalah golongan yang berautoriti di dalam bidang mereka masing-masing, tidak

adil sekiranya para penguasa membuat keputusan mandiri yang bukan merupakan bidangnya. Hal ini telah pun dinyatakan oleh Al-Attas (2001) bahawa orang yang benar, yang baik ialah orang yang adil terhadap dirinya kerana dia telah menempatkan dirinya pada tempatnya yang betul, tidak adil jika kita meletakkan sesuatu yang bukan pada tempatnya misalnya menggunakan pisau untuk membunuh orang lain walhal gunanya adalah untuk memotong bahan-bahan masakan atau lain-lain kegunaan yang memberi manfaat kepada alam dan seisinya. Sekiranya kerajaan memandang isu ini sambil lewa sahaja ia akan menyebabkan wujudnya kaum melayu yang kaya terlampau kaya dan miskin terlampau miskin begitu juga bagi kaum-kaum yang lain justeru bakal meledakkan kemusnahan yang maha dasyat sepertimana yang berlaku daripada peristiwa berdarah 13 Mei namun pergaduhan ini tidak lagi dilihat berdasarkan isu perkauman tetapi pergolakan di antara kelas bawahan dan kelas atasan.

NGOs yang mengedarkan makanan percuma kepada golongan gelandangan juga telah pun mewujudkan masalah yang baru di mana secara tanpa sedar ia telah mematikan ikhtiar hidup mereka. Pada mulanya, mungkin pemberian makanan percuma kepada golongan ini merupakan suatu gerakan yang kreatif tetapi apabila semakin ramai yang memberikan makanan percuma dan hanya fokus kepada pemberian keperluan asas sahaja ia akan menzahirkan suatu permasalahan yang baru iaitu menyebabkan kebergantungan gelandangan terhadap NGOs itu semakin kuat. Gelandangan juga telah menyalah tafsir kewujudan NGOs hingga menjadikan NGOs ini sebagai talian hayat mereka. Pada pendapat penyelidik, tujuan utama penubuhan NGOs ini bukanlah untuk memberikan makanan kepada gelandangan semata-mata tetapi bertindak sebagai perantaraan kepada kerajaan dan institusi-institusi yang terlibat dengan masalah ini. Misalnya, institusi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) boleh bekerjasama dengan NGOs tersebut untuk mendapatkan data berkaitan dengan permasalahan ini bagi memudahkan proses kajian dan para pengkaji untuk mengenalpasti keberadaan gelandangan serta dapat membantu kerajaan dalam membentuk polisi yang berkesan terhadap masalah ini. Jika NGOs hanya memberikan tumpuan kepada pemberian makanan semata-mata maka isu ini akan bertemu jalan buntu kerana dengan hanya memberikan keperluan asas sahaja ia tidak akan menyelesaikan apa-apa masalah bahkan merumitkan lagi keadaan tersebut. Justeru itu, NGOs haruslah mempunyai kesepaduan bersama dalam membuat satu laman sesawang khas untuk NGOs *soup kitchen* di Malaysia sebagai rujukan orang ramai bagi mengurangkan pembaziran, mengawal operasi pemberian makanan supaya tidak bertindih antara satu sama lain dan dapat meningkatkan ikhtiar hidup gelandangan.

Za'aba (2015) telah menyatakan bahawa didikan terhadap peranan individual tunggal sangat penting bagi membentuk struktur negara yang baik dan begitu juga dengan peranan pemerintah kerana kejatuhan akhlak orang-orang atasan juga akan diikuti oleh orang-orang bawahannya sebagai teladan. NGOs haruslah mempunyai sifat yang lebih kritis dengan menyediakan peluang pendidikan kepada mereka dalam menangani permasalahan ini seperti menyediakan latihan kemahiran dan platform pekerjaan. NGOs yang mempunyai struktur yang kukuh dengan dana yang diperolehi daripada syarikat-syarikat besar sehingga mampu menampung pelbagai aktiviti kebajikan seharusnya sudah mula beralih fokus kepada menyediakan program kemahiran insaniah dan pekerjaan baru kepada mereka. Begitu juga dengan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Anjung Singgah yang mempunyai ruang yang telah diperuntukkan oleh kerajaan boleh bekerjasama dengan NGOs tersebut dengan menjadikan ruang itu sebagai tempat latihan kemahiran kepada gelandangan seperti latihan komunikasi, mengajar cara-cara membuat resume, mengadakan kaunseling, seminar perniagaan, program jati diri, menyediakan landasan pekerjaan dan sebagainya. Hal ini kerana masalah pengangguran dalam kalangan gelandangan semakin membimbangkan dan mereka berada dalam keadaan yang sukar untuk mencari pekerjaan disebabkan oleh beberapa faktor seperti bekas banduan, penagih dadah, tiada tempat tinggal, tiada alamat tetap, tiada taraf pendidikan, kad pengenalan hilang dan sebagainya. Dasar ini telah pun dilakukan oleh NGOs di Shanghai seperti Renewal Centre yang bukan sahaja menyediakan keperluan asas tetapi memberi fokus kepada program-program kemahiran dengan kerjasama bersama 5 syarikat swasta di bawah projek bantuan pusat pekerjaan dalam menyediakan tempat praktikal kepada golongan gelandangan selama dua bulan dengan elaun sebanyak separuh gaji minimum sebulan untuk melihat prestasi mereka jika ia sesuai mereka boleh terus bekerja disitu tetapi jika tidak mereka akan diberi latihan semula dan dihantar praktikal di syarikat swasta yang lain (Zhang & McWhinney, 2012). Oleh itu, NGOs dan institusi seperti pusat zakat, JKM, badan swasta serta badan kerajaan haruslah saling bekerjasama di antara satu sama lain supaya setiap institusi dapat berfungsi dengan lebih baik jika masyarakat membantu mengemudikannya dengan jalan ilmu pengetahuan. Bak kata Shariati (1993), revolusi itu harus bergerak dengan cahaya!

Peranan institusi kebajikan masyarakat yang kurang efektif bagi mencapai sasaran golongan yang dikehendaki sama ada disebabkan oleh kelemahan sistem atau pun individu itu sendiri yang tidak memahami berkaitan dengan fungsi institusi tersebut harus diberikan perhatian sepenuhnya dengan menyediakan pelbagai alternatif supaya golongan yang disasarkan dapat menikmatinya. Biasanya kelemahan sesebuah sistem itu barangkali akibat daripada peningkatan sistem birokrasi yang mendadak sehingga menyebabkan gelandangan-gelandangan ini merasa malas atau tidak tahu untuk memohonnya. Perkara ini membahayakan kewujudan sesebuah institusi itu kerana ia bakal terdedah dengan wabak-wabak seperti salah guna kuasa dan rasuah. Menurut Alatas (1995) antara faktor berlakunya perubahan rasuah yang drastik adalah disebabkan lahirnya birokrasi yang mengada-mengada hingga menjungkirbalikkan struktur organisasi yang sedia ada. Perkara ini terbukti benar apabila bekas pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) ditahan kerana menyeleweng dana YAPEIM berjumlah RM223,000 yang kononnya diperuntukkan untuk sebuah program sumbangan kepada golongan miskin di daerah Rompin (Kumarappa, 2017). Selain itu, jumlah isi rumah di flat kos rendah di Kuala Lumpur yang menerima bantuan kebajikan menunjukkan sebanyak 1% menerima daripada zakat, 1% pula menerima daripada JKM tetapi yang menerima daripada Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) adalah sebanyak 65% dan bahkan kajian ini menunjukkan sebanyak 34% tidak menerima BRIM walhal pada hakikatnya mereka layak menerimanya (Muhammed Abdul Khalid, Zouhair Rosli, Siti Nur Fatimahtul, 2018). Ini membuktikan bahawa berlakunya kebocoran yang mendadak di dalam perlaksanaan dasar-dasar kebajikan tersebut tetapi dari segi promosi pungutan zakat tidak pula bocor di mana-mana. Institusi-institusi kebajikan yang masih berhadapan dengan masalah pengagihan bantuan kebajikan kepada golongan miskin perlu diatasi dengan segera. Antara jalan penyelesaian yang terbaik adalah dengan menggalakkan para pekerja di dalam jabatan kebajikan untuk lebih kerap turun ke padang dan bukan sekadar duduk di pejabat menunggu warga miskin ini datang meminta bantuan sahaja. Analoginya mudah, walaupun teknologi semakin canggih, seorang pegawai bank tetap juga keluar daripada pejabatnya bagi memperoleh beribu-ribu jualan pinjaman peribadi jadi begitu juga dengan pegawai zakat jika menginginkan pengagihan zakat yang adil dan saksama. Selain itu, pengagihan bantuan kebajikan juga dapat dilaksanakan dengan efektif jika adanya jalinan hubungan yang baik bersama NGOs kerana mereka lebih mengenali golongan gelandangan dengan cara membuka kaunter pendaftaran di tempat NGOs tersebut memberikan makanan kepada golongan-golongan ini. Justeru itu, golongan ini akan lebih



memahami dengan lebih mendalam berkaitan dengan fungsi institusi-institusi tersebut dan lagi baik jika JKM juga turut terlibat sama dalam mempromosikannya.

Bantuan daripada pihak JKM dan NGOs kepada golongan gelandangan tidak terhenti dengan hanya memberikan bantuan keperluan asas seperti makanan dan pakaian sahaja. Malah usaha yang dapat memberikan impak jangka panjang adalah jika golongan ini diberikan peluang peningkatan skil dan pekerjaan baru serta mendorong aktiviti keusahawanan dalam kalangan mereka. Hal ini kerana sudah tiba masanya kita fokus kepada mengajar rakyat untuk menangkap ikan daripada hanya fokus kepada pemberian ikan semata-mata. Bak kata Ritchie (1885), if you give a man a fish he is hungry again in an hour but if you teach him to catch a fish you do him a good turn. Begitu juga dengan pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, walhal kita sudah pun mempunyai Jabatan Kebajikan Masyarakat, baitulmal dan zakat. Perkara ini menyebabkan berlakunya pembaziran sumber manusia dan kos penghasilan sesebuah institusi itu. Sekiranya kerajaan ingin juga melaksanakan BRIM, pelaksanaan dari segi kapasiti pemberian perlulah diteliti semula kerana berdasarkan kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di flat kos rendah di Kuala Lumpur (Muhammed Abdul Khalid, Zouhair Rosli, Siti Nur Fatimahtul, 2018) dengan masalah aging population yang dijangkakan akan melanda ke atas negara kita pada tahun 2030 (Ramlan, 2017) menunjukkan pemberian bantuan perlu diberikan fokus kepada kanak-kanak terpinggir, ibu mengandung dan orang-orang tua jadi bantuan BRIM kepada golongan belia perlu dihentikan segera kerana mereka tidak berada pada keadaan tertekan sepertimana yang dihadapi oleh golongan-golongan ini. Oleh itu, kerajaan sewajarnya mengurus takbir institusi-institusi yang sedia ada, pada masa yang sama cuba untuk mencari solusi kepada penambahbaikannya dan bukan sekadar mengejar populariti sahaja kerana jika terlalu banyak institusi yang tidak berfungsi dengan baik maka tidak mustahil kejatuhan tamadun Rom bakal terjadi ke atas negara kita juga kerana menurut Za'aba (2015) kejatuhan Rom adalah disebabkan oleh institusi yang gagal berfungsi akibat daripada berlakunya ketidakstabilan politik, korupsi, keborosan dan ketamakan sehingga berlakunya bencana yang maha dasyat sehingga bukan sahaja boleh menyebabkan timbulnya masalah gelandangan bahkan boleh menghancurkan sesebuah tamadun tersebut.

## 6.0 KESIMPULAN

Hasil dan pembahasan analisis kajian di atas dapat disimpulkan bahawa isu gelandangan akan bertemu jalan buntu jika NGOs masih lagi memberikan tumpuan kepada pemberian bantuan keperluan asas semata-mata kerana kebergantungan gelandangan terhadap NGOs semakin sebatil dalam diri mereka sehingga membunuh ikhtiar untuk mereka meneruskan kehidupan sepertimana peranan anggota masyarakat yang lain. Malaysia yang sedang berhadapan dengan masalah struktur yang membebankan rakyat seperti ketidaksamaan pendapatan, kos sara hidup, pengangguran, rasuah dan sebagainya memerlukan kerjasama yang jitu daripada semua pihak sama ada daripada pihak kerajaan, swasta atau NGOs bagi membantu merapatkan jurang tersebut dengan mengenalpasti peranan mereka masing-masing. Pendefinisian yang khusus berkaitan dengan gelandangan dengan berdasarkan pertimbangan aspek budaya di Malaysia juga perlu diberikan perhatian oleh setiap institusi dan badan pertubuhan yang terlibat agar ia dapat memudahkan pelaksanaan dasar dan mencapai golongan yang disasarkan bagi membantu mereka yang bergelandangan. Akhir sekali, pembentukan masyarakat madani bukanlah perkara mudah kerana kata ahli syair Arab (dengan Bahar al-Wafir):

بقدر الكد تكتسب المعالي  
ومن طلب العلى سهر الليالي

*Ertinya: Segalanya jenis ketinggian itu diperoleh ialah mengikut kadar sebanyak mana susah payah yang ditanggung dan dikerjakan bagi mencapainya. Maka barang siapa suka hendak mendapat ketinggian, kenalah ia berjaga pada malam-malam hari meneruskan kerjanya.*

## Penghargaan

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada tugas kursus sarjana EPPE6154 Ekonomi Dasar Sosial di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Rujukan

- Adib, N. A. M., Hussin, Z. H., & Ahmad, Y. Homeless Women In Malaysia: Their Choice Or Victims Of Situations. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(3).
- Ahmad, M. (2012). Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan-Pengemis (GEPENG). *Jurnal Penelitian*, 7(2).
- Amore, K., Baker, M., & Howden-Chapman, P. (2011). The ETHOS Definition And Classification Of Homelessness: An Analysis. *European Journal of Homelessness*, 5(2).
- Shariati, A. (1993). *Fatimah: Kisah Perjuangan Puteri Rasulullah*. The Shariati Foundation.
- Al-Attas, S. M. N. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. ISTAC.
- Alatas, H. (1995). *Rasuah: Sifat Sebab Dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Alhabshi, D. S., & Abdul Manan, A. K. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A Case Of Agenda Denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1-9.
- Anuar, A. A. (2017, Ogos 1). 39 Gelandangan Dipindah Ke Kem PLKN Geo Kosmo. Retrieved September 29, 2017, from Utusan Online: <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kl-putrajaya/video-39-gelandangan-dipindah-ke-kem-plkn-geo-kosmo-1.509753>.
- Bernama. (2014, Julai 23). *Dapur Jalanan: Larangan akan Dikaji Semula*. Retrieved March 3, 2017, from Sinar Online: <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/dapur-jalanan-larangan-akan-dikaji-semula-1.302524>.
- Bernama. (2017, September 27). *Gelandangan Kini Dikenali Rakan Jalanan*. Retrieved October 30, 2017, from Berita Harian Online: <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/330655/gelandangan-kini-dikenali-rakan-jalanan>.
- Chamberlain, C. and MacKenzie, D. (1992). Understanding Contemporary Homelessness: Issues Of Definition And Meaning. *Australian Journal of Social Issues*, 27(4), 274-297.
- Curley, A. (2005). Theories of Urban Poverty And Implications For Public Housing Policy. *J. Soc. & Soc. Welfare*, 32, 97.

- Effendi, T. N. (1993). *Sumber Daya Manusia, Peluang Kerja, Dan Kemiskinan*. Tiara Wacana Yogyakarta.
- Fitzpatrick, S. (2005). Explaining Homelessness: A Critical Realist Perspective. *Housing, Theory and Society*, 22(1), 1-17.
- Food Not Bombs. (2014). *Akta Orang-orang PAPA 1977 (Akta 183)*, 4.
- Ghani, M. S. A. (2014, Julai 5). *Kementerian, NGO 'Soup Kitchen' jumpa Selasa ini*. Retrieved October 5, 2017, from Sinar Online: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kementerian-ngo-soup-kitchen-jumpa-selasa-ini-1.296654>.
- Ghee, W. Y., & Omar, R. N. B. R. (2015). Homelessness In Malaysia: Victims Of Circumstance Or By Choice?. *Asian Journal for Poverty Studies*, 1(1), 26-29.
- Haxton, N. (2016, Jun 27). *Number Of Homeless Women Rising In Brisbane, Domestic Violence Often The Cause, Experts Say*. Retrieved March 3, 2017, from Australian Broadcasting Corporation: <http://www.abc.net.au/news/2016-06-27/domestic-violence-number-of-homeless-woman-rising/7546886>.
- Hussin, Z. (2016). Research Monograph: Addressing homelessness Issues in Malaysia.
- Idris, N. A. H., & Dan, A. R. (2000). *Teori Pertumbuhan Dan Pembangunan Ekonomi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2012). Faktor Seseorang Hidup Bergelandangan. Retrieved February 21, 2018, from <http://www.jkm.gov.my>.
- Kamis, B. A., & Salam, N. L. A. (2014). A Study On Factors Contribute To Homelessness Issue In Malaysia: A Case Study at Anjung Singgah YKN in Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.
- Khalid, M. A. (2014). *The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*. MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Kielyka, M. (2016, Jun 1). *Vancouver homelessness at record levels: 2016 count*. Retrieved March 3, 2017, from Metro: <http://www.metronews.ca/news/vancouver/2016/05/31/vancouver-homelessness-at-record-levels-2016-count.html>.
- Kumarappa, K. M. (2017, April 27). *Bekas Timbalan Presiden pula ditahan*. Retrieved March 1, 2018, from My Metro: <https://www.hmetro.com.my/node/224914>.
- Muhammed Abdul Khalid, Zouhair Rosli, Siti Nur Fatimahtul, M. A. H. and E. S. A. (2018). Children Without: A study of urban child poverty in low cost flats in Kuala Lumpur. Retrieved from <https://www.unicef.org/malaysia/FINAL-REPORT-1.pdf>
- My Metro. (2016, Jun 18). *Jasad Gelandangan Ditemui Di Rumah Kosong*. Retrieved March 1, 2018, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/06/145992/jasad-gelandangan-ditemui-di-rumah-kosong>.
- O'Flaherty, B. (2004) Wrong Person And Wrong Place: For Homelessness, The Conjunction Is What Matters. *Journal of Housing Economics*, 13(1), 1-15.
- Peraturan Daerah (Perda) No 12 Tahun 2008 Kota Pekanbaru Tentang Ketertiban Sosial.
- PERTIWI. (2013). *PERTIWI Soup Kitchen*. Retrieved from <http://pertiwi.org.my/pertiwi-soup-kitchen/>.
- Pleace, N. (2016). Researching homelessness in Europe: theoretical perspectives. *European Journal of Homelessness*, 19-44.
- Ramlan, Y. (2017, September 18). *As Families Shrink, Malaysia Heads Towards An Aging Nation*. Retrieved April 2, 2018, from <https://www.themalaysianinsight.com/s/15918/>.
- Ritchie, A. T. (1885). *Mrs. Dymond* (Vol. 10). Smith, Elder.
- Siwar, C., & Yusof Kasim, M. (1997). Urban Development And Urban Poverty in Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 24(12), 1524-1535.
- Soussi, A. (2017). *Dying On The Streets: The UK's Homeless*. Retrieved March 2, 2018, from Al Jazeera: <https://www.aljazeera.com/indepth/features/2017/03/dying-streets-uk-homeless-170305093253997.html>.
- Za'aba, Z. A. A. (2015). Mencapai Keluhuran Budi. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Za'aba, Z. A. A. (2015). Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Za'aba, Z. A. A. (2016). Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Zhang, H. X., & McWhinney, J. (2012). Working With The Homeless: The Case Of A Non-Profit Organisation In Shanghai. *Local Economy*, 27(4), 373-387.

## Lampiran

**Lampiran 1** Waktu operasi NGOs di area KL (tidak merangkumi keseluruhan NGO soup kitchen di KL)

| NGO  | HARI                                      | MASA   | KUANTITI / JENIS  | TEMPAT  |
|--|---|--|---|---|
| Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL)          | Ahad                                      | 6.00PM-7.00PM                                    | 200 – 250 sehari / Hidangan   | Jalan Panggung  |
| Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) | Isnin, Rabu, Jumaat & Ahad                | Makan Malam                                      | 550 – 700 sehari / Paket  | Area Chow Kit, Kota Raya & Masjid India   |
| KECHARA                                    | Isnin – Jumaat<br>Isnin – Jumaat<br>Sabtu | 10.00AM-1.00PM<br>1.30PM-2.30PM<br>9.00PM        | 3200 seminggu / Paket   | Premis di Jalan Imbi<br>Area Imbi, Bukit Bintang, Jalan Ipoh, Sentul, Pudu, Petaling Street, Chow Kit, Masjid Jamek dan Brickfield (Menedarkan menggunakan van) |
| UNGGAS                                     | Ahad                                      | 5.00AM-8.00AM                                    | t.d. / Paket  | Masjid Jamek  |
| Street Feeders of KL                       | Isnin – Jumaat                            | Makan Tengahari                                  | 100 – 200 / Paket   | Bukit Nanas   |
| Pusat Transit Gelandangan                  | Selasa dan Sabtu                          | 7.00AM-9.00AM<br>12.00PM-2.00PM<br>7.00PM-8.38PM | 100 – 150 / Hidangan & Paket (Makanan bergantung kepada sumbangan NGO & perseorangan) | Jalan Pahang  |

\*t.d. = tiada data

Sumber : Kajian Lapangan

**Lampiran 2** Pengurusan anjung singgah KL

| <b>HARI</b> | <b>Sarapan pagi</b> | <b>Makan Tengahari</b>  | <b>Makan Malam</b>                                 |
|-------------|---------------------|---|--|
| Isnin       |                     |   | PERTIWI<br>10.30PM                                 |
| Selasa      |                     | KECHARA<br>12.30PM  | FOOD4U<br>8.00PM                                   |
|             |                     |   | STREET SHEPHERD (SSO)<br>(Minggu 1 & 3)<br>10.00PM |
| Rabu        |                     |   | PERTIWI<br>10.30PM                                 |
| Khamis      |                     |   | MISI SEDEKAH JUMAAT<br>9.30PM                      |
| Jumaat      |                     |   | PERTIWI<br>10.30PM                                 |
| Sabtu       |                     | HINDU SEVAI SANGAM &<br>SEWA ASHRAM<br>FOUNDATION MALAYSIA<br>(12.30PM) | KENCHARA<br>8.00PM                                 |
|             |                     |   | STREET SHEPHERD (SSO)<br>(Minggu 1 & 3)<br>10.00PM |
|             |                     |   | EN. MOORTHY & TEAM<br>(Minggu 4)<br>9.00PM         |
| Ahad        |                     |   | PERTIWI<br>10.30PM                                 |

Sumber: Kajian Lapangan